

# PENGUASAAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID PEKAK: SUATU SOROTAN DARI PERSPEKTIF LINGUISTIK

*Abdullah bin Yusoff dan Che Rabiaah binti Mohamed*

## Abstrak

Kedudukan mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) dalam sistem pendidikan negara sangat penting. Murid-murid pekak yang bersekolah juga terpaksa menguasai BM jika mereka ingin maju dalam akademik walaupun mereka terpaksa berhadapan dengan berbagai-bagai rintangan untuk menguasainya. Makalah ini merupakan penelitian penulis berdasarkan sorotan linguistik tentang penguasaan BM murid pekak dan kesukaran yang dihadapi oleh mereka. Hal ini berguna kepada pihak yang terlibat dengan pendidikan murid pekak kerana BM ialah mata pelajaran penting bagi mendapatkan sijil dalam peperiksaan awam dan kelayakan untuk memohon pekerjaan dengan kerajaan. Oleh itu, kegagalan untuk lulus dalam mata pelajaran BM di kalangan murid pekak membawa impak yang besar kepada mereka. Makalah ini juga mencuba mengenal pasti beberapa keadaan yang menyukarkan murid pekak menguasai BM secara teori dan praktis. Dari segi teori, BM mempunyai ciri-ciri yang sukar dikuasai oleh kebanyakan murid pekak. Kebanyakan murid pekak juga tidak memperoleh BM seperti yang diperoleh oleh kanak-kanak berpendengaran normal. Dari segi praktis pula, kebanyakan daripada mereka tidak mendapat pendedahan awal yang secukupnya tentang BM. Di samping itu, kertas kerja ini juga akan membuktikan bahawa 'pekak' bukanlah faktor utama yang menghalang mereka dalam menguasai BM. Cadangan-cadangan juga dikemukakan bagi membantu murid pekak mempertingkatkan penguasaan BM. Setelah memahami situasi dan kesukaran yang dialami oleh murid pekak dalam menguasai BM, diharapkan guru-guru dapat: (1) mengenal pasti cara murid pekak memperoleh dan mempelajari BM, (2) mengenal pasti kesukaran mereka dalam menguasai BM (mendengar dan bertutur, membaca dan menulis), (3) mengenal pasti hubungan antara memperoleh dan mempelajari BM dengan kesukaran yang

dialami, dan (4) merancang strategi untuk membantu murid pekak menguasai BM.

### *Abstract*

*The Malay language subject plays an important role in the Malaysian education system. The deaf pupils who are unable to hear speech sound also have to perform well in the subject although it is so problematic to them. This article investigates the performance and problems faced by the deaf pupils in learning Malay language based on the linguistic view. The result of the study is important to all parties who are involved in educating the deaf since the language is a compulsory subject for obtaining a certificate in the national examination. A pass grade in the subject is also one of the criteria for applying jobs in the government services. As such, poor performance in the Malay language paper will result in some negative impacts in the future of the deaf.*

*This article also identifies factors that cause difficulty to the deaf in performing well. Based on the linguistic views, the characteristics of the Malay language are difficult to many of the deaf to master. They do not acquire the language as hearing pupils do. Apart from that, many of the deaf do not have early and enough exposure to the language.*

*Another aim of this article is to prove that 'hearing problem' faced by many of the deaf are not the main factor that prevent them from getting better grade in the subject. A few suggestions were also drawn up on how to help this group of pupils to achieve better. It is hoped that by understanding the situation mentioned, the teacher of the deaf will identify: (1) the processes of acquiring and learning the language, (2) the difficulty faced by the deaf in learning the language skills (listening, speaking, reading and writing) (3) the relationship between acquiring and learning language and the difficulty faced by them, and (4) the strategies to help the deaf to achieve better grade in the Malay language paper.*

## **PENGENALAN**

Bahasa Melayu (BM) ialah bahasa pengantar persekolahan yang memperlihatkan kepentingannya dalam sistem pendidikan negara (Hassan Ahmad, 1999). Kepentingan BM ini dapat dilihat dalam peperiksaan peringkat Sijil

Pelajaran Malaysia (SPM) dan kelayakan untuk menjawat jawatan awam dalam perkhidmatan negara, iaitu murid-murid dikehendaki lulus dalam BM untuk mendapatkan sijil SPM, yang merupakan tiket atau syarat bagi memohon sebarang jawatan awam dalam Kumpulan Pekerjaan C dan ke atas (B dan A). Hal ini memperlihatkan bahawa setiap murid yang gagal dalam BM tidak layak menerima sijil SPM dan tidak memenuhi syarat untuk memohon pekerjaan dalam kumpulan tersebut. Sebagai contoh, iklan dalam akhbar yang berkaitan dengan pengisian jawatan kosong oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, dan Kerajaan Negeri Kelantan dalam kumpulan tersebut dengan jelas mensyaratkan bahawa calon yang ingin memohon jawatan yang diiklankan, mesti lulus BM peringkat SPM (*Berita Minggu*, 10 Oktober 2004). Kegagalan ramai calon murid pekak dalam BM memberikan impak yang besar terhadap masa depan mereka.

### **Definisi Konsep**

Konsep yang memperlihatkan makna khusus dalam makalah ini adalah seperti yang berikut:

#### **(i) Bahasa**

Bahasa ialah alat komunikasi yang sistematik, yang dipersetujui dan digunakan oleh sesuatu komuniti bagi tujuan komunikasi dan pernyataan fikiran, sama ada dalam bentuk lisan, isyarat atau tulisan (Harris & Hodges, 1995:132–133). Yang perlu diberikan perhatian pada definisi ini ialah pengiktirafan ‘isyarat’ sebagai satu bahasa jika ia memenuhi ciri-ciri konvensional bahasa yang dipersetujui oleh kebanyakan sarjana, yang sekali gus mengiktiraf bahasa isyarat yang digunakan oleh masyarakat orang pekak sebagai satu bahasa yang setanding dengan bahasa lisan (Kyle & Woll, 1985; Sutton-Spence & Woll, 1999).

#### **(ii) Pemerolehan bahasa**

Pemerolehan bahasa ialah situasi yang membenarkan kanak-kanak memperoleh bahasa yang digunakan oleh masyarakat persekitaran secara menyerap, tanpa dipelajari atau dipaksa. Manusia juga dikatakan mempunyai/dibekali dengan ‘alat pemprosesan bahasa’ (*language acquisition devices* atau LAD) semenjak lahir, yang membolehkan mereka memperoleh dan menguasai

bahasa dengan mudah dan cepat. Proses ini sangat aktif berlaku sebelum kanak-kanak berumur 12 tahun (Kreshan & Terrell,1983). Kanak-kanak juga dikatakan mampu menguasai lebih daripada satu bahasa pada usia muda jika mereka didedahkan kepada bahasa-bahasa itu. Pemerolehan bahasa ini berlaku sama ada secara semula jadi, peniruan, atau berinteraksi dengan individu lain.

### **(iii) Pembelajaran Bahasa**

Pembelajaran bahasa ialah situasi yang membolehkan seseorang mempelajari sesuatu bahasa lain, setelah dia menguasai bahasa pertama atau bahasa ibunda. Keadaan ini dikatakan sangat sukar kerana seseorang terpaksa mempelajari unsur-unsur sesuatu bahasa yang dipelajari secara tidak 'natural', contohnya mengingat dan menghafal tatabahasa, kosa kata, dan sebagainya. Dalam proses ini, seseorang akan banyak melakukan kesalahan dan kesilapan. Namun, ramai juga yang berjaya menguasai bahasa yang dipelajari, contohnya murid-murid pekak menguasai BM.

### **(iv) Murid Pekak**

Frasa ini merujuk murid-murid yang 'pekak', 'cacat pendengaran', 'bermasalah pendengaran' dan 'tunakerna'. Penggunaan istilah bagi merujuk kumpulan pelajar ini tidak konsisten dalam sistem pendidikan negara. Namun begitu, walau apa pun istilah yang digunakan, frasa ini merujuk seseorang yang mengalami kurang pendengaran (lebih daripada 40 dB) sehingga bermasalah untuk memahami pertuturan biasa. Selalunya, masalah pendengaran akan mengakibatkan masalah pertuturan (tidak dapat bertutur dengan jelas atau bisu), yang menyebabkan seseorang bermasalah atau sukar menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa yang lain seperti lisan, pemahaman, membaca dan menulis.

### **Pemerolehan Bahasa Melayu Kanak-kanak Pekak dalam Keluarga Tidak Pekak**

Pengkaji-pengkaji yang membuat kajian terhadap kanak-kanak pekak bersepakat menyatakan bahawa lebih kurang 90 peratus kanak-kanak pekak mempunyai ibu bapa berpendengaran normal (Paul, 1998). Data terhadap status ibu bapa murid pekak yang dikaji oleh penulis memperlihatkan angka yang sama. Kebanyakan ibu bapa berpendengaran normal yang mempunyai

anak pekak (di Malaysia) tidak berpendidikan tinggi, tinggal di luar bandar, dan tidak mengambil berat tentang kepentingan komunikasi menyebabkan mereka tidak pasti bentuk bahasa, sama ada lisan, isyarat, atau tulisan yang patut digunakan bagi tujuan berkomunikasi. Kanak-kanak ini dibesarkan dalam persekitaran berbahasa lisan yang digunakan oleh orang di persekitaran mereka. Natijahnya, mereka tidak memperoleh BM dengan natural. Seperti bahasa-bahasa lain, BM ada tatabahasanya yang tersendiri dan kanak-kanak ini juga tidak dapat menguasai tatabahasa tersebut.

Bahasa ialah alat komunikasi, kanak-kanak pekak dalam keluarga berpendengaran normal membesar dalam keadaan yang sukar untuk berkomunikasi. Bahasa juga dikaitkan dengan ilmu pengetahuan; oleh itu kanak-kanak ini dibesarkan tanpa ilmu pengetahuan yang sepatutnya diperoleh oleh mereka seperti kanak-kanak berpendengaran normal yang sebaya dengan mereka. Mereka ke sekolah dengan asas ilmu pengetahuan yang lemah berbanding dengan rakan mereka yang berpendengaran normal. Hal ini dapat dilihat pada bentuk bahasa, kosa kata dan ayat yang digunakan oleh mereka semasa awal persekolahan (Goh & Teh, 1993), umpamanya kebanyakan kanak-kanak pekak daripada keluarga berpendengaran tidak dapat menamakan benda-benda maujud di persekitaran dalam apa-apa jua bentuk bahasa, sama ada lisan, isyarat, atau tulisan yang memperlihatkan kelemahan mereka dalam pengetahuan dan kemahiran berbahasa. Kajian-kajian di Barat terhadap kanak-kanak pekak dalam keluarga berpendengaran memperlihatkan gejala yang sama yang berakibat daripada ketidaktentuan ibu bapa dalam memilih bentuk bahasa (lisan, isyarat, tulisan) yang perlu dan sesuai digunakan untuk berkomunikasi dengan anak mereka yang pekak (Marschark, 1997; Paul, 1998). Berdasarkan kajian Marschark (1997) dan Paul (1998), dapat disimpulkan bahawa kebanyakan kanak-kanak pekak dalam keluarga tidak pekak membesar dalam keadaan yang dapat dianalogikan ke atas kanak-kanak pekak di Malaysia seperti yang berikut:

- (i) Lemah dalam memperoleh bahasa yang dituturkan dalam keluarga.
- (ii) Lemah dalam menyatakan fikiran dengan jelas dalam bahasa yang digunakan oleh keluarga.
- (iii) Lemah memahami komunikasi lisan orang lain.
- (iv) Lemah penguasaan ilmu kerana tidak memahami bahasa persekolahan dan yang digunakan oleh masyarakat persekitaran.
- (v) Tidak dapat bertutur dengan jelas walaupun dibesarkan dalam

keluarga berpendengaran.

(Marschark, 1997; Paul, 1998)

Walaupun analogi ini tidak 100 peratus tepat kerana perbezaan budaya, sempadan geografi dan bahasa yang digunakan, maklumat tersebut sedikit sebanyak menggambarkan bahawa kebanyakan kanak-kanak pekak mengalami situasi yang hampir sama. Hal ini menimbulkan kesukaran dan kelemahan kepada mereka dalam pencapaian akademik. Namun, keadaan ini sedikit sebanyak dapat diatasi jika kanak-kanak tersebut mendapat pendedahan yang cukup serta latihan BM seawal mungkin seperti yang diamalkan oleh satu keluarga berpendengaran biasa ke atas anaknya yang pekak teruk semenjak lahir (Wawancara 2001). Hal ini akan dibuktikan dalam perbincangan selanjutnya melalui dapatan kajian literatur (*Literature Review Search*) dan silang budaya (*cross-culture research*) untuk dibuat analogi. Di samping itu, pembuktian didedahkan juga melalui data semasa dan pengalaman langsung (*first-hand experiences*) penulis kerana kajian berkaitan dengan 'Bahasa, Kebahasaan dan Pendidikan Kanak-kanak Pekak' berada di tahap permulaan seperti yang pernah disentuh oleh Asmah (1986) semenjak tahun 1986 lagi. Belakangan ini, kajian tentang hal ini semakin bertambah setelah beberapa buah universiti awam tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, dan Universiti Pendidikan Tanjong Malim telah menawarkan kursus dalam pendidikan khas pada peringkat ijazah pertama dan pascasiswazah.

### **Pemerolehan Bahasa Isyarat Kanak-kanak Pekak dalam Keluarga Pekak**

Setakat yang diketahui penulis, tidak ada satu pun kajian yang membincangkan cara kanak-kanak pekak di Malaysia memperoleh bahasa isyarat. Sebaliknya, terdapat beberapa kajian yang menghuraikan cara kanak-kanak pekak berbangsa Inggeris memperoleh bahasa Inggeris yang dapat dijadikan analogi bagi memahami dan mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan konsep pemerolehan bahasa kanak-kanak pekak dalam keluarga pekak. Antara pengkaji yang popular ialah Mcintire (1994), Volterra & Erting (1994), Paul & Quigley (1994), dan Kretschmer & Kretschmer (1978).

Seperti yang dihuraikan oleh Paul & Quigley (1994) dan Volterra & Erting (1994), dalam proses pemerolehan bahasa kanak-kanak, tanpa mengira sama ada kanak-kanak itu pekak atau tidak, kanak-kanak tersebut terlebih dahulu menggunakan 'bahasa isyarat badan' (BIB) sebelum bertutur.

Mereka juga terlebih dahulu memperoleh kemahiran semantik (makna) terhadap bahasa yang digunakan oleh orang di sekelilingnya. Bahasa itulah yang akan digunakan oleh anak-anak sebagai alat komunikasi. Lazimnya, dalam lingkungan dua tahun, kanak-kanak yang berpendengaran normal akan menggantikan BIB dengan bahasa lisan dalam komunikasi. Kanak-kanak pekak pula akan terus menggunakan bahasa isyarat badan bagi tujuan berkomunikasi.

Pengkaji-pengkaji ini menjelaskan bahawa pada ketika ini, bahasa isyarat yang digunakan oleh kanak-kanak diperoleh sama ada secara semula jadi (menangis apabila lapar), melalui peniruan (ikut isyarat yang digunakan oleh orang lain) atau penerokaan (ciptaan sendiri berdasarkan situasi dan keperluan). Isyarat-isyarat ini tidak boleh dianggap sebagai 'bahasa' kerana tidak memenuhi ciri-ciri sesuatu bahasa seperti 'arbitrari', 'sistematik', 'berkomunikasi', 'berkembang', dan 'dipunyai' (Paul & Quigley, 1994). Isyarat-isyarat tersebut ialah kod-kod yang tidak bersistem dan digunakan untuk situasi tertentu, yang difahami oleh mereka yang berdekatan dengannya sahaja. Isyarat ini juga dikenali sebagai 'isyarat keluarga' (Marschark, 1997).

Seperti yang dibincangkan, terdapat dua situasi yang dapat menggambarakan cara kanak-kanak pekak memperoleh bahasa isyarat. Pertama, melalui isyarat yang terbentuk semasa berkomunikasi antara anak pekak dengan individu berpendengaran normal dalam persekitaran bagi keperluan asas komunikasi. Kedua, melalui komunikasi dengan ibu bapa atau ahli keluarga yang pekak dan menggunakan bahasa isyarat sebagai media komunikasi. Isyarat-isyarat tersebut terbentuk sama ada secara semula jadi, ciptaan baru, peniruan atau penerokaan kerana keperluan. Susun atur isyarat akan membentuk ayat. Ayat-ayat yang digunakan oleh kanak-kanak pekak membolehkan mereka berkomunikasi sesama mereka tanpa sempadan seperti anak-anak berpendengaran. Mereka mampu menyatakan apa-apa sahaja asalkan perkara yang diperkatakan itu dalam cakupan pengetahuan mereka (Kyle & Woll, 1985; Paul & Quigley, 1994). Perkembangan bahasa isyarat ini bertambah aktif apabila kanak-kanak pekak mulai bersekolah di sekolah yang ada kanak-kanak pekak (sekolah khas atau sekolah integrasi). Mereka mula berinteraksi dengan rakan-rakan lain dan memperoleh bahasa isyarat dengan cepat. Hal ini akan menambahkan kosa kata dan kemampuan mereka merakamkan apa-apa sahaja bagi tujuan berkomunikasi (Adams, 1997).

Sementara itu, kanak-kanak pekak dalam keluarga yang mempunyai ahli keluarga pekak mengalami proses pemerolehan bahasa sama seperti bahasa lisan yang diperoleh oleh kanak-kanak berpendengaran normal

(Volterra & Erting, 1994). Ibu bapa atau ahli keluarga pekak menggunakan bahasa isyarat sepanjang masa dengan mereka. Proses ini membolehkan kanak-kanak berkenaan mendapat pendedahan yang cukup untuk menguasai dan menggunakan bahasa isyarat. Apabila mereka membesar, mereka memperoleh bahasa berkenaan dan menggunakannya sepanjang masa. Kecekapan dan keupayaan mereka bertambah apabila mereka mula bersekolah dan berinteraksi sesama mereka yang pekak (Adams, 1997). Dalam hal ini, kanak-kanak pekak Malaysia memperoleh Bahasa Isyarat Malaysia (BIM), kanak-kanak pekak British memperoleh Bahasa Isyarat British (BSL) dan kanak-kanak pekak Amerika memperoleh Bahasa Isyarat Amerika (ASL). Pemerolehan bahasa isyarat ini bergantung pada bentuk bahasa isyarat yang digunakan dalam keluarga kanak-kanak yang berkenaan. Perbezaan bentuk bahasa isyarat yang diperoleh oleh kanak-kanak pekak dalam keluarga pekak di negara yang berbeza membuktikan bahawa bahasa isyarat yang berkenaan adalah berbeza antara satu negara dengan negara yang lain (Kyle & Woll, 1985), sekali gus menyangkal pendapat yang mengatakan bahawa warga pekak menggunakan bahasa isyarat yang sama tanpa perbezaan sempadan geografi.

Terdapat beberapa kajian di Barat yang memperlihatkan kanak-kanak pekak yang dibesarkan dalam keluarga yang mempunyai ahli keluarga yang pekak lebih matang, berilmu dan pencapaian akademik mereka lebih baik jika dibandingkan dengan anak pekak dalam keluarga berpendengaran (Marschark, 1997). Namun, jika ahli keluarga pekak tidak berpendidikan, kenyataan ini dapat disangkal. Walaupun begitu, akhir-akhir ini, dapatan kajian memperlihatkan bahawa anak pekak yang selalu berinteraksi dan belajar bersama ibu bapa mereka didapati lebih maju dalam pendidikan (Paul, 1998; Marschark, 1997). Dalam hal ini, terdapat tiga faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik kanak-kanak pekak, iaitu: (1) komunikasi saling memahami, (2) status pendengaran ahli keluarga, dan (3) belajar bersama ahli keluarga.

### **Bentuk Bahasa yang Digunakan oleh Kanak-kanak Pekak**

Dari perspektif linguistik, saluran komunikasi dapat dilakukan melalui tiga saluran (*mode of communication*), iaitu lisan, isyarat dan tulisan (Harris & Hodges, 1995). Ketiga-tiga saluran tersebut digunakan oleh murid pekak (di Malaysia) dalam komunikasi (Abdullah, 1995a; Goh & Teh, 1993). Mereka menggunakan:



- (i) lisan bagi pertuturan BM;
- (ii) isyarat bagi BIM dan 'Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM); dan
- (iii) tulisan bagi BM dan BIM.

Dalam konteks pendidikan, terdapat tiga pendekatan yang digunakan dalam pengajaran bahasa kepada murid pekak, iaitu *pertuturan*, *KTBM* dan *BIM* (Abdullah, 1995a, 2002b). *BIM* digunakan sebagai sampingan atau secara informal, iaitu selari dengan bahasa yang digunakan oleh orang pekak. Setiap satu pendekatan tersebut dibincangkan secara umum di bawah ini bagi memudahkan pemahaman (untuk huraian dan perbincangan secara lebih jelas, sila lihat Abdullah, 1995a). Hal ini juga bagi membuktikan bahawa perbezaan antara ketiga-tiga pendekatan tersebut membawa implikasi kepada murid pekak menguasai BM. Terdapat beberapa kesukaran tertentu yang dialami oleh murid pekak dalam mempelajari BM.

### **Pendekatan Pertuturan**

Pendekatan pertuturan memerlukan murid-murid pekak bertutur seperti murid biasa (Adam, 1997). Lazimnya, latihan melalui pendekatan bertutur diberikan kepada murid-murid yang mempunyai sisa-sisa pendengaran. Rasional penggunaan pendekatan pertuturan berasaskan anggapan bahawa murid pekak yang ada sisa pendengaran seharusnya digembleng kebolehan pendengaran mereka semaksimum mungkin untuk menguasai bahasa pertuturan. Anggapan kedua ialah murid pekak merupakan kumpulan minoriti dalam masyarakat yang berkomunikasi melalui pertuturan. Oleh itu, penguasaan bahasa lisan amatlah perlu untuk membolehkan mereka 'selesa' dalam masyarakat (Paul, 1998).

Dalam mempelajari mana-mana bahasa pertuturan, faktor kebolehan mendengar adalah penting (Paul & Quigley, 1994). Ketidakmampuan mendengar menghalang seseorang mengajuk atau meniru bunyi-bunyi sesuatu bahasa yang dipelajari. Ramai daripada kalangan kita tidak dapat bertutur dalam bahasa yang tidak pernah kita dengar kerana tidak pernah mendengar bunyi-bunyi bahasa yang berkenaan. Inilah keadaan yang berlaku kepada murid pekak dalam mempelajari bahasa lisan. Dapat dibayangkan betapa susah dan sukarnya murid pekak diajar untuk mempelajari bahasa lisan. Lagipun, mengajar bertutur bukan tugas utama persekolahan kanak-kanak pekak. Tugas mengajar bertutur terletak di atas bahu profesional lain, seperti audiologis dan jurupulih pertuturan. Bertutur hanya sebagai

sampingan yang diajar dalam mata pelajaran BM. Yang hendak diajar di sekolah ialah kandungan kurikulum yang dipecahkan kepada beberapa mata pelajaran. Pendekatan pertuturan dikatakan kurang berkesan dari aspek mempertingkatkan murid pekak menguasai kurikulum persekolahan (Chua Tee Tee, 1970, 1976, 1977, 1991). Terdapat berbagai-bagai sebab yang menyebabkan ketidakberkesanan pendekatan ini, umpamanya Shukdev Singh (1982) dan Selena (1989) menyatakan bahawa kebanyakan murid pekak tidak dapat bertutur atau pertuturan mereka sukar difahami setelah 13 tahun bersekolah di sekolah yang mengamalkan pendekatan pertuturan dalam pengajaran bahasa. Laporan Conrad (1979) yang meneliti prestasi pelajar pekak di Britain setelah tamat persekolahan memperlihatkan gejala yang sama, iaitu pelajar pekak tidak mampu menguasai kurikulum dan kemahiran bertutur yang digunakan di sekolah pada ketika itu. Mereka juga lemah dalam berbahasa isyarat ASL kerana tidak digalakkan menggunakannya dalam kawasan sekolah. Denda juga dikenakan kepada kanak-kanak pekak yang menggunakan bahasa isyarat ASL pada ketika itu. Laporan ini dijadikan asas kepada perubahan pendekatan pengajaran secara bertutur kepada pendekatan komunikasi seluruh dan bahasa isyarat.

Hal yang sama berlaku dalam sistem pendidikan kepada kanak-kanak pekak di Malaysia sebelum pendekatan KTBM diamalkan kerana sistemnya diadaptasikan daripada sistem pendidikan Britain (Chua Tee Tee, 1977; Goh & Teh, 1993).

Ketidakbolehan bertutur oleh murid pekak tidak ada kaitan dengan kecacatan mana-mana alat artikulasi dan artikulator pertuturan sebagaimana anggapan sesetengah anggota masyarakat. Alat-alat anatomi dan fisiologi pertuturan mereka adalah normal (Watson, 1996). Dalam pengajaran pertuturan, alat bantu pendengaran sangat penting bagi murid ini kerana alat ini berfungsi menguatkan bunyi dan membolehkan murid pekak mendengar bunyi bahasa dengan lebih jelas. Namun, dalam kajian penulis, didapati bahawa murid-murid pekak yang mempunyai alat bantu pendengaran tidak memakainya sepanjang masa. Ada juga yang mempunyai alat bantu pendengaran yang tidak sesuai dengan darjah dan jenis kepekakan yang dialami.

Mampukah murid pekak menghasilkan pertuturan sebagaimana pertuturan murid normal? Pengalaman penulis sebagai pengajar bahasa kepada murid ini memperlihatkan bahawa murid pekak tidak mampu bertutur seperti murid biasa walaupun mereka mempunyai alat bantu pendengaran dan alat pertuturan mereka normal. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, ketidakmampuan murid ini bertutur bukannya ada kaitan dengan kecacatan anatomi

pertuturan tetapi bermasalah dengan anatomi pendengaran, iaitu mereka tidak menerima input bunyi-bunyi bahasa untuk diajuk atau ditiru. Alat bantu pendengaran yang dimiliki oleh mereka kebanyakannya tidak mampu menjalankan tugas ini (Watson, 1996). Oleh itu, dalam budaya Melayu, mereka dilabelkan sebagai 'bisu'. Mereka hanya mampu menghasilkan beberapa patah perkataan sahaja semasa berkomunikasi secara lisan. Pertuturan mereka juga tidak sama seperti bunyi bahasa yang sepatutnya. Oleh itu, adalah sukar untuk memahami pertuturan mereka jika guru tidak biasa dengan mereka. Hal ini ada kaitannya dengan kelewatan memberikan latihan dan pendedahan bunyi bahasa kepada mereka. Sebagai contoh, ada kes murid pekak yang mempunyai sisa pendengaran tetapi kerana tidak mendapat pendedahan dan latihan berbahasa awal di rumah oleh ahli keluarga dan kakitangan profesional menyebabkan mereka ke sekolah tanpa upaya berbahasa lisan.

Di samping itu, murid pekak juga mengalami kesukaran untuk memahami pertuturan (Watson, 1999). Hal ini mungkin berpunca daripada pendengaran mereka terhadap perkataan atau ayat-ayat yang diujarkan tidak jelas. Memahami makna perkataan dan ayat lisan merupakan sesuatu yang merumitkan bagi murid pekak yang berakibat oleh masalah pendengaran (lihat Lampiran 1). Selain itu, kebolehan murid pekak bertutur tidak menjamin bahawa mereka dapat menguasai bahasa, terutamanya dari aspek penulisan dan pemahaman (Watson, 1999). Kajian dalam hal ini ke atas murid pekak Malaysia memperlihatkan dapatan yang sama (Abdullah, 1993a; Goh & Teh, 1990, 1993). Ada yang tidak dapat memahami teks mudah dan menghasilkan ayat yang betul tatabahasanya apabila menulis walaupun mereka mempunyai kebolehan berbahasa lisan.

Walaupun bagaimanapun, latihan-latihan pendengaran bunyi bahasa dan pertuturan yang diajarkan kepada mereka sedikit banyak membantu mereka memahami pertuturan jika berkomunikasi dengan orang berpendengaran normal. Ini kerana mereka dapat berlatih mengagak bunyi bahasa, memerhati dan mengecam gerak bibir orang yang dilawan bertutur. Mengecam gerak bibir penutur ialah satu cara untuk memahami pertuturan orang lain bagi orang pekak (Abdullah, 1995a). Murid pekak juga terpaksa menggunakan bahasa lisan jika bertutur dengan orang yang tidak dapat memahami isyarat mereka walaupun dengan bahasa lisan yang tidak jelas.

Walaupun amat sukar bagi mereka mempelajari bahasa lisan, kegigihan mereka patut disanjung, begitu juga kepada guru yang mengajar mereka. Kebolehan murid pekak menguasai bahasa lisan ialah sesuatu yang istimewa. Jika latihan pertuturan dapat dilakukan seawal mungkin, iaitu semasa peringkat bayi lagi secara sistematik, dan oleh profesional dalam bidang

pemulihan pertuturan, peluang untuk kanak-kanak pekak bertutur adalah lebih positif (Watson, 1999).

### **Pendekatan Bahasa Isyarat Orang Pekak (BIOP)**


Pendekatan 'bahasa isyarat orang pekak' ialah pendekatan yang menggunakan isyarat sebenar orang pekak dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kepada murid pekak (Paul & Quigley, 1994). Hal ini belum diperkenalkan dan dilaksanakan secara rasmi di Malaysia. Terdapat guru yang menggunakannya secara sedar atau tidak semasa berkomunikasi dengan murid mereka. Bahasa isyarat orang pekak di Malaysia dikenali sebagai 'Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) (Persatuan Orang Pekak Malaysia, 2000).

Pendekatan ini menyampaikan bahasa melalui isyarat sebenar orang pekak yang membabitkan pergerakan badan seperti tangan, mimik muka dan kepala (Kyle & Woll, 1985). Perlu diingat bahawa bukan semua isyarat badan atau '*body language*' diklasifikasikan sebagai bahasa isyarat orang pekak (contohnya, isyarat yang digunakan oleh polis trafik, kod-kod dalam KTBM).

Rasional penggunaan pendekatan ini adalah untuk mengiktiraf BIOP sebagai satu bahasa pemilikan komuniti orang pekak (Kyle & Woll, 1985). Oleh itu, penggunaannya sebagai media pendidikan merupakan alat penyampaian ilmu yang memudahkan mereka memahami apa-apa yang disampaikan, umpamanya amalan ini ada dilaksanakan di United Kingdom, Sweden, dan Amerika (Paul, 1998).


Kajian-kajian oleh sarjana linguistik bahasa isyarat orang pekak memperlihatkan bahawa BIOP mempunyai status yang sama dengan bahasa lisan yang dituturkan oleh sesuatu masyarakat, umpamanya kajian oleh Stoke (dalam Maher, 1996) ke atas bahasa isyarat Amerika, dan Kyle dan Woll (1985) ke atas bahasa isyarat British. Bahasa isyarat Indo-Pakistan oleh Zehsan (2000). Manakala kajian ke atas bahasa isyarat Malaysia baru sahaja mula diusahakan oleh Persatuan Orang Pekak Malaysia dengan usaha pertamanya menerbitkan buku 'Bahasa Isyarat Malaysia' (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2000).

Maklumat penting daripada kajian-kajian oleh sarjana tersebut ialah bahasa isyarat orang pekak adalah berbeza antara sebuah negara dengan negara lain. Bandingkan perbezaan isyarat bagi 'tengah hari' antara Bahasa Isyarat Malaysia (Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2000:106), Bahasa Isyarat Pakistan (ABS Research Group, 1995:4), dan Bahasa Isyarat British (British Deaf Association, 1992:408) seperti yang di bawah:




**Bahasa Isyarat Malaysia**

Keterangan: Tangan kiri menyalang di hadapan dada, tapak menghadap ke bawah, siku tangan kanan di sisi rusuk dikenakan di atas tangan kiri, tegak berdiri dan tapak menghala ke kiri.



**Bahasa Isyarat Pakistan**

Keterangan: Tangan kanan berbentuk angka dua di sisi kepala, tapak menghadap ke kanan dan gerakkan ke dalam dan ke luar.



**Bahasa Isyarat British**

Keterangan: Tangan kanan berbentuk dua, menyalang ke dada, tapak ke bawah dan tangan kiri berbentuk angka dua, tapak ke bawah, di bawah tangan kanan. Gerakkan tangan kanan ke depan melintasi tangan kiri.

Perbezaan antara bahasa isyarat yang digunakan oleh sesebuah negara dapat juga dilihat pada isyarat abjad; contohnya perbezaan bahasa isyarat abjad bagi BSL yang menggunakan dua tangan dan ASL yang menggunakan satu tangan seperti yang di bawah:

BAHASA ISYARAT BRITISH		A	B
C	D	E	F
G	H	I	J
K	L	M	N
O	P	Q	R
S	T	U	V
W	X	Y	Z

BAHASA ISYARAT AMERIKA

BAHASA ISYARAT AMERIKA		A	B
C	D	E	F
G	H	I	J
K	L	M	N
O	P	Q	R
S	T	U	V
W	X	Y	Z

Kedua, bahasa isyarat mempunyai tatabahasanya yang tersendiri yang berbeza daripada bahasa lisan yang dituturkan dalam sesebuah negara. Pendekatan bahasa isyarat yang digunakan di sekolah kanak-kanak pekak di negara kita tidak boleh dikelaskan sebagai bahasa isyarat atau diiktiraf sebagai satu bahasa, walaupun ia disampaikan melalui isyarat kerana kebanyakan kod (KTBM) dan aturan yang digunakan berbeza dengan BIM. Contoh bahasa tulisan yang memperlihatkan perbezaan antara aturan BM dengan BIM berdasarkan matan penulisan yang dikaji oleh Abdullah (1996) adalah seperti di Lampiran 5. Perbezaan tersebut memperlihatkan bahawa tatabahasa antara BIM dengan BM adalah berbeza. Perbezaan tatabahasa ini merupakan gejala utama yang memperlihatkan bahawa bahasa tulisan murid pekak sukar difahami, yang berakibat daripada pengaruh BIM dalam penulisan BM yang dihasilkan oleh murid pekak (Abdullah, 1993a, 1996; Goh & Teh, 1990; 1993).

Pengajaran dan pembelajaran BIM secara formal tidak diajarkan kepada murid pekak di sekolah kerana bercanggah dengan sistem pendidikan disebabkan amalan pengajaran BM adalah melalui Komunikasi Seluruh KTBM. Berdasarkan pengalaman penulis, kebanyakan murid pekak menggunakan BIM apabila berkomunikasi sesama mereka dan begitu juga dengan guru mereka. Situasi ini juga dilaporkan oleh Goh dan Teh (1993) dalam kajian mereka. Antara alasan murid pekak tentang hal ini ialah mereka mudah memahami bahasa mereka, manakala guru pula mengatakan bahawa BIM lebih pantas dari segi penggunaannya dan juga mudah difahami oleh murid pekak. Bagi BIM, setiap perkataan ada isyaratnya yang tersendiri dan begitu juga dengan ayat yang ada aturannya. Antara contohnya adalah seperti yang berikut:

BM	BIM
1. Dia tidak datang ke sekolah.	1. Dia sekolah kosong.
2. Saya hendak ke tandas.	2. Saya tandas.
3. Bapa dan ibu datang berjumpa, bercakap-cakap dengan saya dan membawa saya balik ber-cuti di rumah.	3. Datang bapa dan ibu jumpa cakap balik cuti rumah.

Yang diajarkan di sekolah ialah KTBM. Kebanyakan guru tidak dapat membezakan antara kod KTBM dengan BIM (temu bual penulis dengan

guru atau pengajar murid pekak sepanjang mengendalikan kursus/mesyuarat semasa menjawat jawatan Penolong Pengarah, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia mulai 30 Jun 2001 – 16 September 2002), yang juga merupakan penyumbang kepada kesukaran murid pekak mempelajari BM kerana kesalahan penggunaan KTBM. Hal ini terjadi kerana KTBM dan BIM disampaikan melalui isyarat (Goh & Teh, 1993). Yang berbeza ialah BIM mempunyai tatabahasanya sendiri manakala KTBM ialah kod ciptaan yang mewakili bahasa Melayu dan patuh kepada tatabahasa bahasa Melayu. Secara analoginya, dapat diterima bahawa bahasa Melayu dan bahasa Inggeris adalah berbeza dan mempunyai tatabahasa yang berbeza walaupun disampaikan melalui lisan. Begitu juga KTBM dan BIM, keduanya disampaikan melalui medium isyarat. Yang pertama ialah kod yang mewakili bahasa Melayu dan yang kedua pula berstatus 'satu bahasa' dan ada tatabahasanya yang tersendiri. Tanpa memahami konsep ini, BM tidak dapat diajarkan kepada murid pekak dengan baik kerana guru tidak dapat membezakannya antara KTBM dengan BIM yang mempunyai tatabahasa yang berbeza.

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, kajian tentang BIM masih di peringkat permulaan. Pengumpulan korpus bahasa dimulakan oleh Persekutuan Orang Pekak Malaysia. Kini tidak kurang daripada lima buah buku tentang BIM telah diterbitkan. Sementara itu, hal yang berkaitan dengan fonologi, morfologi dan sintaksis hanya disentuh oleh Abdullah (1993, 1996), dan Teh dan Goh (1990, 1993) yang menelitinya berdasarkan matan penulisan. Berdasarkan kajian, Goh dan Teh (1993) menemui/mencadangkan tujuh rumus struktur BIM. Penulis pula menemui tujuh ciri/pola tersendiri yang memperlihatkan struktur BIM yang berbeza dengan struktur BM. Kajian seperti ini diharap akan diteruskan oleh sarjana lain.

### **Pendekatan Komunikasi Seluruh Kod Tangan Bahasa Malaysia**

Amalan di negara kita, pengajaran dan pembelajaran BM kepada murid pekak adalah melalui gabungan daripada dua pendekatan di atas. Pendekatan ini dikenali sebagai 'Komunikasi Seluruh Kod Tangan Bahasa Melayu'. 'Komunikasi seluruh' merujuk situasi seorang guru menggunakan apa-apa sahaja untuk membolehkan muridnya memahami bahasa: mimik muka, lakonan, pertuturan, dan sebagainya digunakan (Abdullah, 2002b). Sementara 'Kod Tangan Bahasa Melayu' merujuk penggunaan kod yang disampaikan melalui isyarat bagi mewakili setiap kosa kata BM (Kemen-



terian Pendidikan Malaysia, 1985). Hal ini bermakna guru menggunakan pelbagai media (isyarat, lisan, lakon) semasa mengajar untuk menyesuaikan dengan kebolehan murid yang berbagai-bagai darjah pendengaran. Bagi murid yang pekak sederhana, mereka berpeluang mendengar bunyi bahasa, dan yang pekak teruk dapat memahami melalui isyarat. Mereka juga mungkin lebih faham apabila guru menggunakan berbagai-bagai media semasa mengajar.

Satu elemen penting dalam pengajaran melalui pendekatan ini ialah penggunaan serentak pertuturan dan isyarat. Guru perlu menguasai setiap kod bagi mewakili kosa kata BM semasa mengajar mengikut topik dan subjek yang diajarkan. Di samping itu, guru juga perlu memahami prinsip penggunaan kod bagi menggambarkan proses morfologi yang berlaku dalam BM. Umpamanya kod bagi kata dasar, kata majmuk, kata ganda, dan kata berimbuhan ada tatacaranya yang tersendiri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1985). Selain itu, kod bagi setiap jenis imbuhan, iaitu imbuhan awalan, apitan, dan akhiran mesti dikuasai oleh guru-murid supaya tidak menimbulkan kekeliruan.

Antara rasional penggunaan pendekatan ini adalah untuk berlaku adil kepada murid pekak yang terdiri daripada pelbagai kategori kepekakan. Ada yang pekak sederhana, pekak teruk, dan yang tidak dapat mendengar langsung (sangat teruk). Melalui pendekatan ini, murid dapat memahami pengajaran berdasarkan keupayaan mereka; yang pekak sedikit melalui lisan, yang pekak sederhana melalui campuran lisan dan isyarat, dan yang pekak teruk dan sangat teruk melalui isyarat. Istimewanya pendekatan ini ialah murid berpeluang mendengar pertuturan serta melihat isyarat yang disampaikan oleh guru secara serentak.

Di samping itu, terdapat beberapa halangan dalam menggunakan pendekatan ini. Yang pertama adalah yang berkaitan dengan penyelarasan kod, dan kedua adalah yang berkaitan dengan ketidakcukupan kod bagi merujuk kata dalam bahasa Melayu (Abdullah, 2002b).

Penyelarasan kod merujuk penggunaan kod yang tidak selaras bagi merujuk setiap kata dalam bahasa Melayu. Terdapat lebih daripada satu kod digunakan oleh guru-murid bagi merujuk kata yang sama dalam bahasa Melayu, umpamanya bagi kata 'ibu', terdapat beberapa isyarat yang digunakan oleh murid pekak (Abdullah, 1994: 560) seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.

	<p>Tangan kanan diletakkan di atas bahagian belakang kepala seperti memegang sanggul (Menggambarkan ibu yang selalu menyanggul rambut).</p>
	<p>Dengan jari terbuka kedua-dua belah tangan diletakkan di dada (Menggambarkan ibu yang mempunyai buah dada, orang lain tiada).</p>
	<p>Tangan kanan diletakkan di bahu, dan digerakkan dari atas sampai ke lutut (Menggambarkan ibu yang memakai baju labuh).</p>

Kod-kod yang merujuk perkataan 'Ibu'.

Impaknya adalah sangat besar apabila murid ini bertukar sekolah atau melanjutkan pelajaran ke sekolah di kawasan lain kerana mereka akan berhadapan dengan masalah tidak memahami isyarat yang digunakan di sekolah baharu (Goh & Teh, 1993). Hal ini berlaku kerana guru-murid tidak berpegang kepada buku panduan KTBM yang dibekalkan kepada sekolah yang di dalamnya dimuatkan bukan sahaja kod-kod tetapi juga prinsip-prinsip penggunaannya (Abdullah, 1993b).

Sementara ketidakcukupan kod merujuk situasi yang menggambarkan kod tidak ada bagi merujuk kata dalam bahasa Melayu, terutamanya yang berkaitan dengan kata nama khas dan ilmu atau istilah-istilah tertentu (Wawancara bebas, 2004). Jika dilihat kepada jumlah entri kata dalam bahasa Melayu yang berjumlah sekitar 32 ribu kata dasar (*Kamus Dewan*, 1983), kod yang dibukukan dianggarkan sekitar 15 peratus daripadanya. Walaupun murid tidak perlu tahu semua kosa kata dalam kamus tetapi secara perbandingan, kekurangan kod ini amat menyukarkan guru dan murid pekak dalam memahami kurikulum persekolahan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan, melalui Jabatan Pendidikan Khas, sentiasa berusaha menangani masalah ini dengan membukukan kod-kod baharu, umpamanya sehingga kini terdapat sekurang-kurangnya lima buah buku kod telah diterbitkan dan yang terbaharu ialah usaha yang dilakukan untuk menerbitkan buku yang mengandungi semua kod bagi merujuk setiap kata yang terkandung dalam kurikulum persekolahan.

Daripada perbincangan yang berkaitan dengan pendekatan pengajaran bahasa kepada murid pekak tersebut, jelas memperlihatkan bahawa terdapat beberapa pendekatan untuk mengajarkan bahasa kepada murid pekak. Daripada pengalaman penulis dan pandangan kebanyakan guru murid pekak, kelemahan murid pekak dalam akademik sesungguhnya berpunca daripada ketidakcekapan murid pekak menguasai bahasa Melayu (Goh & Teh, 1993). Peranan guru amat penting dalam menangani masalah ini, dan penglibatan semua pihak juga perlu bagi membantu murid ini memaksimumkan kebolehan mereka. Walau bagaimanapun, jika murid pekak dapat bertutur dan menulis dengan baik, ini merupakan hasil daripada persekolahan yang dilalui oleh mereka. Malah, bilangan mereka yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat universiti juga turut bertambah (lihat Lampiran 4).

### **Penguasaan BM dalam Kalangan Murid Pekak**

Murid pekak di Malaysia, melalui sistem yang sama seperti mana yang dikenakan ke atas kanak-kanak pendengaran normal. Hal ini bermakna

mereka mengikuti kurikulum dan kokurikulum yang sama. Mereka juga menduduki peperiksaan awam yang sama. Begitu juga dengan kelayakan masuk ke mana-mana universiti tempatan, mereka terpaksa akur kepada syarat-syarat yang sedia ada seperti yang dikenakan ke atas pelajar normal.

Pencapaian murid pekak dalam akademik, terutamanya dalam peperiksaan awam seperti yang dilaporkan dari semasa ke semasa memperlihatkan bilangan mereka yang lulus adalah sedikit. 'Penghalang' utama yang menyekat kejayaan murid pekak dalam peperiksaan awam ialah syarat mesti lulus dalam kertas BM. Terdapat juga murid pekak yang lulus dengan baik dalam mata pelajaran lain tetapi gagal dalam BM sehingga tidak membolehkan mereka 'diiktiraf' sebagai berjaya atau mendapat sijil dalam peperiksaan SPM (Mohd Hashim Omar, 1985; Teng, 1986; Abdullah, 1993b). Di samping itu, terdapat juga sebilangan kecil yang berjaya dalam peperiksaan dan berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti (lihat laman web Persekutuan Orang Pekak Malaysia: <http://www.e-pekak>).

Berdasarkan laporan peperiksaan daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia, bilangan calon pekak yang berjaya dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan Penilaian Menengah Rendah semakin meningkat pada tahun 2000, 2001 dan 2003 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Begitu juga dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran BM (lihat Lampiran 2). Walau bagaimanapun, faktor 'penguasaan' dalam BM merupakan faktor utama yang menghalang mereka untuk berjaya dalam akademik (Goh & Teh, 1993).

Berdasarkan situasi di atas, satu penelitian perlu dilakukan ke atas murid pekak tentang penguasaan BM mereka oleh pihak berwajib. Hal ini penting untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyukarkan mereka menguasai BM dan faktor-faktor yang menyebabkan beberapa orang murid pekak berjaya dengan cemerlang dalam BM. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Persekutuan Orang Pekak Malaysia (Wawancara penulis dengan Presidennya, 2004), mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti tempatan ialah mereka yang cemerlang dalam BM dan mampu menulis dengan baik dalam bahasa berkenaan. Adakah faktor KTBM kurang berjaya menyampaikan BM atau kelemahan guru dalam menguasai KTBM, atau faktor pengajaran dan pembelajaran (pedagogi), atau masalah pekak yang menghalang murid ini berjaya dalam akademik? Mungkinkah ciri-ciri BM yang kompleks menjadi penyebab kesukaran mereka menguasai BM?

## Sukarkah Kanak-kanak Pekak Mempelajari BM?

Bagi kanak-kanak pekak, mempelajari BM merupakan satu kerja/tugasan yang amat sukar kerana BM ialah bahasa kedua bagi mereka (Goh & Teh, 1993). Kesukaran ini diketahui oleh ibu bapa dan ahli keluarga yang mempunyai anak pekak dan guru yang mengajar murid pekak. Kebanyakan guru dan ibu bapa tidak memahami punca kesukaran itu berlaku. Oleh itu, mereka tidak dapat mengatur strategi yang berkesan bagi membantu murid pekak secara maksimum untuk mempelajari BM. BM ialah bahasa ilmu persekolahan dan tanpa menguasainya, teks yang dibaca sukar difahami dan tulisan tidak dapat dihasilkan dengan betul. Harapan untuk mereka berjaya dalam akademik adalah tipis.

Kesukaran ini ada kaitan dengan konsep 'pemerolehan bahasa' dan 'pembelajaran bahasa', ciri-ciri BM yang kompleks, kecelaruan tentang penggunaan KTBM, pendekatan pengajaran bahasa dan BIM seperti yang dibincangkan di atas. Ini terbukti apabila kebanyakan murid pekak tamat persekolahan, mereka tidak mampu menguasai pertuturan dan pemahaman, lemah dalam bacaan dan pemahaman terhadap teks yang dibaca, lemah dalam penguasaan KTBM, dan 'tidak menguasai kurikulum (*knowledge*)' yang disampaikan (berdasarkan pemerhatian penulis selama lebih 20 tahun mengajar/terlibat dengan murid pekak). Terdapat pelbagai faktor lain yang menyumbang kepada kelemahan murid pekak menguasai kurikulum, tetapi faktor tidak menguasai BM seperti yang dibincangkan merupakan faktor penyumbang yang besar (Mohd Hashim Omar, 1985; Teng, 1986; Goh & Teh, 1993).

## Bukti BM Sukar Dipelajari oleh Murid Pekak

### (i) Bukti Ciri-ciri BM

Dari aspek linguistik, bahasa Melayu merupakan satu bentuk bahasa yang dikelaskan sebagai aglutinatif yang membawa maksud pembentukan katanya mengalami proses yang boleh mengubah makna dan kelas kata sesuatu kata (Nik Safiah, 1978). Dalam BM, terdapat beberapa cara sesuatu kata dibentuk, iaitu sama ada secara *kata akar*, *berimbunan*, *bermajmuk*, atau *berganda*. Bagi murid pekak, kata akar yang lazim diguna pakai tidak begitu sukar dikuasai. Namun, jika sesuatu kata mengalami proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan, kata tersebut sangat sukar dikuasai. Hal ini mengelirukan pemahaman dan penggunaan mereka kerana sifat BM yang boleh mengubah makna dan kelas sesuatu kata apabila mengalami proses tersebut.

Contoh pertama dapat dilihat pada kata ‘ajar’, terdapat beberapa makna yang berbeza apabila kata itu mengalami proses pengimbuhan seperti yang tertera di dalam Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1** Proses pengimbuhan kata ‘ajar’.

Kata ‘ajar’ dan imbuhan	Kata berimbuhan	Perubahan kelas kata	Makna dalam BI
meng + ajar	mengajar	Kata kerja	<i>to teach (intransitive)</i>
be(l) + ajar	belajar	Kata kerja	<i>to study</i>
peng + ajar	pengajar	Kata nama	<i>a teacher</i>
pe(l) + ajar	pelajar	Kata nama	<i>a student</i>
meng + ajar + kan	mengajarkan	Kata kerja	<i>to teach (transitive)</i>
meng + ajar + i	mengajari	Kata kerja	<i>to train</i>
ajar + an	ajaran	Kata nama	<i>a teaching or philosophy</i>
peng + ajar + an	pengajaran	Kata nama	<i>the teaching</i>
pe(l) + ajar + an	pelajaran	Kata nama	<i>a lesson</i>
mempe(l) + ajar + i	mempelajari	Kata kerja	<i>to learn</i>
terpe(l) + ajar	terpelajar	Kata nama	<i>educated</i>
berpe(l) + ajar + an	berpelajaran	Kata nama	<i>knowledgeable</i>

(Sumber: Disesuaikan daripada Nik Safiah; 1978:49)

Setelah kata ‘ajar’ (kata kerja) mengalami pengimbuhan, makna asal kata ‘ajar’ berubah dan sesetengahnya mengalami perubahan kelas kata (daripada kata kerja kepada kata nama) yang sangat sukar difahami oleh murid pekak. Kebanyakan kata dalam BM boleh mengalami proses pengimbuhan.

Contoh kedua, kebanyakan kata akar BM dapat mengalami pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan yang semakin rumit untuk difahami oleh murid pekak seperti Jadual 2 di bawah:

**Jadual 2** Proses pembentukan kata dalam BM.

Kata dasar	Kata berimbuhan	Kata majmuk	Kata ganda
buku	berbuku	buku lali	buku-buku
bapa	kebapaan	keibubapaan	bapa-bapa
cantik	kecantikan	.....	cantik-cantik
rumah	perumahan	rumah pangsa	rumah-rumah
kereta	berkereta	kereta kebal	kereta-kereta

Apabila kata dalam BM mengalami proses di atas, makna kata berubah dan kehadirannya dalam ayat juga berbeza. Hal ini bermakna murid pekak bukan sahaja bermasalah dalam memahami 'konsep kata' tetapi juga sukar untuk memahami ayat dan penggunaannya dalam ayat seperti yang berikut:

- (i) Buku itu di atas meja.
- (ii) Buku-buku itu di atas meja.
- (iii) Buku tebu itu sangat keras.
- (iv) Hatinya terbuku apabila tidak dapat melepaskan kemarahannya.
- (v) Buku lalinya cedera.

Contoh ketiga, ayat dalam BM mempunyai pelbagai bentuk. Ayat selapis ialah ayat yang mempunyai satu subjek dan satu predikat. Subjek ialah bahan yang diceritakan dan predikat menceritakan perihal subjek (Hukum D-M). Ayat ini tidak begitu sukar untuk difahami oleh murid pekak. Ayat majmuk pula ialah ayat yang mempunyai lebih daripada satu subjek atau predikat. Pembentukan ayat majmuk lebih sukar kerana membawa makna yang lebih kompleks apabila dua atau lebih ayat selapis digabungkan. Ayat majmuk pula ada yang berbentuk gabungan, pancangan, dan campuran. Jadual 3 di bawah memperlihatkan jenis-jenis ayat tersebut:

Jadual 3 Bentuk ayat dalam bahasa Melayu.

Ayat selapis	Ayat majmuk gabungan	Ayat majmuk pancangan	Ayat majmuk campuran
1. Orang itu sangat rajin.	1. Dia membaca belum sampai.	1. Dia membeli seluar buku cerita.	1. Dia sedang menonton televisyen.
2. Pegawai itu masih belum sampai.	2. Bapanya membaca buku cerita.	2. Seluar itu berwarna biru.	2. Kawan-kawannya yang sudah letih lesu telah lama tidur.
3. Sangat rajin orang itu. 4. Masih belum sampai pegawai itu (Nik Safiah <i>et al.</i> , 1993:458).	3. Dia dan bapanya membaca buku cerita.	3. Dia membeli seluar berwarna biru.	3. Dia sedang menonton televisyen tetapi kawan-kawannya yang sudah letih lesu telah lama tidur.

Contoh keempat, ayat-ayat BM juga ada pelbagai ragam. Ragam ayat BM ialah ‘penyata’, ‘tanya’, ‘perintah’, dan ‘seruan’. Yang membezakan satu-satu ragam ayat tersebut ialah intonasinya. Ketidakkampuan murid pekak mendengar menyebabkan mereka sukar memahami ragam-ragam ayat BM. Setiap ragam ayat BM dipaparkan seperti yang di Jadual 4.

**Jadual 4** Ragam ayat dalam bahasa Melayu.

Ayat penyata	Ayat tanya	Ayat perintah	Ayat seruan
Ini bapa saya.	Itu bapa awakkah?	Ambil buku itu dan letakkan di atas meja.	Amboi, cantik sungguh anak itu!

Proses morfologi dan pembinaan sintaksis BM sangat sukar dikuasai oleh murid pekak. Sebagai contoh, hal ini dilaporkan dalam kajian yang dilakukan Goh dan Teh (1990, 1993), Abdullah (1993a, 1996) yang memperlihatkan pendekatan KTBM yang diamalkan sekarang ini tidak begitu berkesan untuk menyampaikan BM kepada murid pekak.

### (ii) Bukti Lisan

Murid pekak bermasalah dari segi pendengaran membawa kesukaran kepada mereka untuk memahami bahasa pertuturan. Mereka juga bermasalah dari segi bertutur kerana tidak mampu menyebut perkataan dan ayat-ayat BM dengan jelas. Hal ini berkait rapat dengan ketidakmampuan mereka mendengar. Deria pendengaran ialah telinga, dan kerosakan di bahagian-bahagian tertentu pada telinga akan membawa kesan yang tertentu kepada pemerolehan, pembelajaran, dan penguasaan bahasa (sila rujuk Lampiran 1).

Kebanyakan murid pekak tidak mempunyai kemahiran dalam pertuturan/lisan apabila tamat persekolahan seperti yang dilaporkan oleh Shukdev Singh (1982) dan Selena (1989). Mereka juga sukar memahami bahasa lisan yang menimbulkan kesukaran untuk mereka berinteraksi dalam bahasa lisan. Oleh itu, setelah sekian lama berada di sekolah, mereka tidak mampu berinteraksi melalui bahasa lisan BM dengan orang yang berpendengaran.

### (iii) Bukti Tulisan

Bahasa Melayu mempunyai tatabahasanya yang tersendiri yang membezakannya daripada kebanyakan bahasa dunia yang lain. Aspek-aspek seperti



fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik terbina atas asas yang dipersetujui oleh komuniti penggunanya, yang membentuk hukum (tatabahasa) BM. Pengguna yang menggunakan BM dan didapati menyeleweng daripada hukumnya dianggap sebagai pengguna bahasa BM yang salah. Pada masa ini, penulisan BM menggunakan aksara 'Roman' yang mempunyai 26 simbol (a hingga z) dan struktur utama dalam BM ialah SVO (*Subject-Verb-Object*) (Nik Safiah, 1978) seperti ayat-ayat yang berikut:

- a. Ali makan nasi.  
(S) (V) (O)
- b. Dia menendang bola berwarna kuning.  
(S) (V) (O)

Terdapat empat pola dalam pembinaan ayat BM. Pola-pola itu adalah seperti yang berikut:

- a. Frasa Nama + Frasa Nama  
(Abdullah + guru )
- b. Frasa Nama + Frasa Adjektif  
(Anak Cikgu Abdullah + pandai bermain catur)
- c. Frasa Nama + Frasa Kerja  
Maimunah anak Encik Ramli + memandu kereta KIA)
- d. Frasa Nama + Frasa Sendi)  
(Murid-murid pekak + di dalam dewan besar sekolah)

Dari aspek penulisan, pada umumnya tatabahasa dan ejaan perkataan dalam BM berasaskan bahasa lisan, iaitu 'eja seperti mana yang disebut dan disebut seperti mana yang dieja'. Hal ini dapat membantu murid berpendengaran dari segi mengeja dan membina ayat kerana mereka dapat mengeja berdasarkan bunyi sesuatu kata dan menulis ayat berdasarkan bahasa lisan. Sebaliknya, murid pekak tidak memiliki 'keistimewaan' ini kerana ketidakmampuan mereka mendengar. Oleh itu, kebanyakan murid pekak tidak berkemampuan mengeja dan menulis berdasarkan ejaan dan tatabahasa BM dengan baik.

Kajian yang dilakukan oleh beberapa orang pengkaji tempatan seperti (Abdullah, 1993, 1996; Goh & Teh 1990, 1993; Izani 1995) memperlihatkan bahawa murid pekak tidak memiliki kemahiran dalam penulisan walaupun mereka berada di peringkat sekolah menengah. Berdasarkan kajian-kajian oleh pengkaji di atas, kelemahan murid pekak yang ketara dalam aspek

tatabahasa dan semantik yang terdapat dalam tulisan mereka dapat dirumuskan seperti yang berikut:

- (a) Lemah dalam penggunaan kata tugas (seperti, tetapi, sambil dan, untuk) dengan betul.
- (b) Kelemahan dalam menggunakan kata berimbuhan.
- (c) Tidak dapat menyatakan idea dalam bentuk ayat yang gramatis.
- (d) Lemah dalam pembinaan ayat.
- (e) Kurang berupaya untuk menghasilkan karangan yang menyatakan sesuatu rentetan peristiwa dengan jelas.

(Goh & Teh 1990, 1993; Abdullah, 1993, 1996; Izani 1995)

Dua contoh karangan yang disalin daripada tulisan asal murid peka, yang mempunyai ciri-ciri di atas dipaparkan seperti yang berikut:

#### Karangan 1: Murid A (Tingkatan 2)

“Sekolah Asrama duduk tetap. Datang bapa dan ibu jumpa cakap balik cuti sekolah. Cuti sudah balik rasmi asrama. Masuk KAWAN benci sedih. Asrama duduk petang balik masjid masuk. Tengkap (tengok) MALAM Balik. Air tangan sudah nak jalan kaki. Masuk kain rehat. Radio mula Diri sembahyang mula. Sudah balik masuk asrama. Malam masuk belajar asrama. Masa tengok balik turun makan. Balik Asrama. Malam tidur. Esok bangun jalan kaki mandi. Sudah pakai balik Asrama. Balik turun balik masjid sembahyang. Sudah balik baik asrama pakai tukar sekolah. Pagi pergi datang sekolah. Sudah balik Asrama. Beg letak. Balik turun tingkap (tingkat) 2 jalan kaki. Duduk jalan kaki masuk makan. Sudah balik naik masuk. Asrama duduk. Abang dan kakak datang kereta Balik Rumah”

(Abdullah, 1996:323–324)

#### Karangan 2: Murid B (Tingkatan 3)

“Saya pergi sampai pintu rapat. Saya rasa tidak ada orang di dalam rumah. Saya akan mencarai mengelilingi akhir tidak ada kunci.

Saya lihat sudah malam. Saya akan pergi jiran beritahu. Saya ada kunci dia dengan saya cakap saya kunci tidak ada sudah sebar (sabar).

Saya duduk di tangga tunggu sebar (sabar). Saya lihat mengapa itu. Saya rasa ibu dan bapa. Saya tahu emak dan bapa saya gembira. Ibu bapa pergi tiba di dalam rumah. Emak bawa kunci hidup. Saya tukar baju dan mandi sudah. Akhir”.

(Abdullah, 1995b:20)

Perbincangan secara terperinci yang berkaitan dengan aspek linguistik terhadap dua karangan di atas dapat diteliti dalam Abdullah (1996, 1995b).

#### **(iv) Bukti Pemahaman**

Pemahaman murid pekak terhadap percakapan lisan dan bahan yang dibaca juga lemah. Kebanyakan daripada mereka tidak dapat memahami percakapan lisan. Sebilangan kecil daripada mereka dapat menangkap makna daripada gerak bibir dan ada juga yang dapat memahaminya berdasarkan pendengaran yang masih ada pada mereka. Semuanya berpunca daripada sebab mereka tidak dapat mendengar dan memahami BM.

Memahami teks yang dibaca juga merupakan sesuatu yang rumit bagi murid pekak. Dalam siri kajian yang dijalankan oleh Abdullah (1993b) ke atas 30 orang pelajar pekak berusia antara 15 – 17 tahun, didapati majoriti daripada mereka sukar memahami ayat majmuk BM. Kajian ini menggunakan 10 pola ayat tunggal dan 10 pola ayat majmuk BM. Rumusan dapatan Abdullah adalah seperti yang berikut:

“... didapati ayat majmuk sukar difahami pelajar [pekak] jika dibandingkan dengan ayat tunggal. Hal ini demikian kerana ayat majmuk panjang-panjang, mempunyai pelbagai subjek dan predikat, serta dihubungkan oleh pelbagai jenis kata hubung. Idea yang hendak disampaikan lebih kompleks dan luas serta memerlukan pendengar [pelajar pekak] mentafsirkan mesej dengan cekap untuk dapat memahaminya.”

(Abdullah, 1993b:522)

Dalam satu lagi kajian yang dilakukan oleh penulis didapati bahawa daripada 67 orang murid pekak yang dikaji (15–17 tahun), 36 orang boleh membaca, dan selebihnya tidak dapat membaca walaupun menggunakan kosa kata dan ayat tunggal yang mudah. Anehnya, keupayaan mereka yang boleh membaca adalah setara dengan pelajar sekolah rendah yang berada dalam Darjah 4 ke bawah. Apabila diajukan teks BM yang setara dengan tingkatan mereka (Tingkatan 1–3), kebanyakan daripada mereka tidak memahaminya. Hal demikian memperlihatkan bahawa aspek pemahaman dalam kalangan murid pekak terhadap bahasa lisan BM dan teks yang dibaca adalah lemah.

#### **Mengapa BM Sukar dikuasai oleh Murid Pekak?**

Telah dibuktikan bahawa dari aspek linguistik, BM merupakan satu bahasa

yang sukar dipelajari oleh murid pekak. Malah dapatan daripada beberapa orang pengkaji terhadap murid Cina dan India yang mempelajari BM juga mendapati mereka sukar menguasai BM walaupun mereka dapat mendengar (Raman, 1993; Woo, 1989; Mohd Jonit, 1982). Dipercayai bahawa murid Cina dan India sudah dapat menguasai BM dengan lebih baik kerana kebanyakan mereka ialah kelahiran Malaysia berbanding dengan ibu bapa mereka yang berhijrah ke sini. Berasaskan perbandingan dapatan di atas, dan dapatan kajian beberapa orang pengkaji, sebab-sebab berikut merupakan penyumbang kepada kesukaran murid pekak mempelajari BM:

- (i) Tidak mengalami proses 'memperoleh BM' tetapi 'mempelajari BM'. Hal ini sama dengan penutur bahasa asing yang mempelajari BM. Bahasa pertama murid pekak ialah BIM, dan bahasa pertama murid India ialah Tamil, Cina-Hokien atau Kantonis yang mengalami kesukaran dalam BM (Goh & Teh, 1993; Raman, 1993; Woo, 1989).
- (ii) Tidak mendapat pendedahan awal, iaitu sejak lahir sehingga bersekolah. Kebanyakan daripada mereka datang ke sekolah dengan kosa kata yang terhad dan sukar memahami BM (Goh & Teh, 1993).
- (iii) Kelemahan dari aspek pedagogi, iaitu tidak ada kaedah khas untuk mengajar BM kepada murid pekak (Goh & Teh, 1993; Izani 1995).
- (iv) Kelemahan dari aspek praktikal/penggunaan KTBM sebagai medium/modus/saluran komunikasi berkesan di sekolah. KTBM dicampuradukkan dengan BIM dan hal ini sangat mengelirukan (Goh & Teh, 1993).
- (v) Sifat BM yang agak kompleks untuk dipelajari (Goh & Teh, 1993).
- (vi) Pengaruh BIM ke atas BM (Goh & Teh, 1990, 1993; Abdullah 1993, 1996; Izani 1995).

### **Adakah Pekak Penyebab Utama Mereka Lemah dalam BM?**

Satu persoalan yang rumit untuk dijawab. Walaupun demikian, berasaskan pengalaman mengajar (15 tahun) dan menyelidik bahasa murid/orang pekak, dan melalui pembacaan bahan bacaan secara silang budaya, penulis mengatakan PEKAK BUKAN PENYEBAB UTAMA MURID PEKAK LEMAH DALAM BM. Perbincangan buktinya adalah seperti yang berikut:

- (a) Kelemahan dalam BM bukan dialami oleh murid pekak sahaja. Murid berpendengaran normal (Melayu, Cina, India) juga ada yang lemah dan tidak dapat menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira). Laporan Seminar Pendidikan Khas Kedua 2002 mendapati bahawa terdapat tiga hingga 10 peratus murid berpendengaran normal yang tidak dapat membaca dan menulis. Oleh itu, pekak bukan faktor utama yang menghalang kemampuan murid pekak menguasai BM kerana yang berpendengaran juga lemah dalam BM. Cuma yang bezanya ialah bilangan atau peratusan yang lebih tinggi daripada murid berpendengaran.
- (b) Wawancara bebas penulis dengan Teh Kean Hoe dan Amir & ibu Amir (2001) mendapati bahawa Teh & Amir tidak mengalami banyak masalah dalam mempelajari bahasa walaupun pekak. Penguasaan BM yang baik membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke universiti dan memperoleh kejayaan yang baik. Teh mengalami pekak setelah berusia sekitar sembilan tahun dan Amir pekak semenjak lahir. Latar belakang berbahasa mereka amat berbeza. Amir mengikuti bidang Sains Komputer dan Teh dalam bidang Pendidikan & Linguistik di peringkat ijazah pertama dan sarjana dalam Sains Komputer. Terdapat ramai lagi murid pekak yang berjaya dalam akademik walaupun bilangan mereka sangat kecil. Yang pentingnya di sini ialah keupayaan mereka meraih kejayaan dalam BM. Hal ini memperlihatkan bahawa PEKAK bukan penghalang utama kelemahan murid pekak dalam BM. Mengenal pasti faktor-faktor lain yang membantut murid pekak menguasai BM ialah satu usaha yang baik jika guru mereka dapat mengenalpastikannya.
- (c) Akhir-akhir ini, laporan peperiksaan memperlihatkan bahawa bilangan calon pekak lulus dalam BM telah bertambah. Malah terdapat beberapa orang calon pekak yang lulus dengan cemerlang dalam UPSR, PMR, SPM, dan STPM. Peningkatan angka ini dikatakan selari dengan peningkatan kualiti guru pendidikan khas (lihat Lampiran 2).
- (d) Akhir-akhir ini, terdapat beberapa orang pelajar pekak sedang belajar di IPTA dan IPTS. Di samping itu, terdapat beberapa orang yang telah tamat pengajian di IPT di dalam dan di luar negara yang memperlihatkan mereka mampu menguasai BM (lihat Lampiran 4).

## Cadangan Mengatasinya

Untuk membantu penguasaan BM dalam kalangan murid pekak, penulis menyarankan cadangan yang berikut:

- (i) Pendedahan awal kepada BM (lisan, pemahaman, tulisan). Hal ini dapat dilakukan di sekolah dan di rumah, setiap individu patut memainkan peranan dengan berkesan. Peranan 'rumah' penting sebelum kanak-kanak pekak bersekolah dan peranan 'sekolah' semasa mereka bersekolah.
- (ii) Mendapatkan perkhidmatan bercorak perubatan dan kesihatan supaya pendengaran dapat dipulihkan. Hal ini dapat dilakukan dengan membawa anak yang dikesan menghadapi masalah pendengaran berjumpa dengan pakar dengan segera.
- (iii) Mendapatkan latihan berbahasa secara sistematik dan berterusan daripada profesional yang berkaitan, iaitu audiologis bagi menguji darjah kecacatan pendengaran, dan jurupulih pertuturan bagi mendapatkan latihan pertuturan yang betul, sistematik dan berkesan.
- (iv) Sikap ibu bapa dan murid pekak terhadap BM hendaklah positif, iaitu dengan memahami hakikat bahawa penguasaan BM adalah penting bagi kejayaan mereka. Dengan memahami kepentingan ini, latihan bacaan dan pemahaman, dan kemahiran menulis hendaklah diberikan bagi tujuan pendidikan.
- (v) Pendekatan pengajaran BM yang sesuai dengan kepelbagaian ciri murid pekak. Pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran BM yang sesuai hendaklah dikenal pasti supaya pengajaran BM kepada murid pekak dapat dilakukan secara berkesan kerana pendekatan yang sedia diamalkan kurang berkesan (Goh & Teh, 1993).
- (vi) Menggunakan pedagogi BM yang sesuai dengan murid pekak seperti 'kaedah mengalami dan menghayati BM', 'kaedah *bottom-up*', 'metalinguistik', 'kaedah proses' dan 'kaedah analisis ksilapan dan kontrasif'.
- (vii) Guru juga harus bersikap positif terhadap kebolehan murid pekak. Sikap yang mengangap murid pekak tidak dapat/sukar diajar hendaklah diubah kerana akhir-akhir ini sudah ada yang terbukti berjaya walaupun bilangan mereka masih sedikit.

## KESIMPULAN

Ciri-ciri BM yang kompleks, yang sukar disampaikan melalui BMKT/isyarat boleh dianggap sebagai penyumbang utama kepada kesukaran murid pekak menguasai BM di samping faktor lain yang telah dibincangkan. Walau bagaimanapun, kebolehan murid pekak menguasai BM ialah satu kelebihan dalam pendidikan. Penguasaan BM yang baik membantu mereka memahami teks yang dibaca, dan menulis dalam bentuk yang difahami oleh pembaca. Membaca merupakan aktiviti yang berkait rapat dengan penguasaan ilmu pengetahuan secara langsung. Oleh itu, murid pekak harus berusaha menguasai kemahiran ini. Anggapan yang menyatakan murid pekak tidak dapat menguasai BM ialah pegangan yang lemah kerana laporan-laporan terkini yang berkaitan dengan pencapaian murid pekak memperlihatkan bilangan mereka yang berjaya dalam BM telah bertambah. Oleh itu, kerjasama ibu bapa dan ahli keluarga sangat penting agar proses pemerolehan BM berjalan secara semula jadi. Mereka yang terlibat dalam bidang perubatan dan kesihatan pula bertanggungjawab mendiagnosis kepekakan, memberikan nasihat kepakaran dalam penyediaan alat bantu pendengaran, dan latihan-latihan awal yang berkaitan dengan bahasa. Peranan guru pula hendaklah berusaha mewujudkan pengajaran dan pembelajaran dengan pedagogi yang berkesan supaya murid pekak mampu menguasai BM. Di samping itu, murid pekak perlu disedarkan bahawa pencapaian baik dalam peperiksaan selalunya mempunyai peluang yang lebih untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa. Oleh itu, dengan bantuan daripada para profesional, guru, ibu bapa dan ahli keluarga, murid pekak mesti berusaha ke arah mempertingkatkan akademik demi masa hadapan mereka. Walau bagaimanapun, satu penelitian yang jitu perlu dilakukan oleh pihak berwajib bagi memahami dan seterusnya menangani hal rumit ini dalam 'pendidikan murid pekak'.

## RUJUKAN

- Abdullah Yusoff, "Kesalahan Struktur Ayat di Kalangan Pelajar Pekak" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 37:3, hlm. 220–228, 1993a.
- Abdullah Yusoff, "Struktur Ayat BM: Satu Kajian Kes terhadap Pelajar Pekak" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 37:3, hlm. 516–524, 1993b.
- Abdullah Yusoff, "Mengajarkan Bahasa kepada Pelajar-pelajar Pekak" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 39:6, hlm. 543–553, 1995a.

- Abdullah Yusoff, "Sukarnya Menulis Sebuah Karangan" dlm. *Pelita Bahasa*. hlm. 20–21, Jun 1995b.
- Abdullah Yusoff, "Pemaparan Idea dalam Karangan: Kajian Kes terhadap Karangan Pelajar Pekak". *Jurnal Dewan Bahasa*, 40: 4, hlm. 321–336, 1996.
- Abdullah Yusoff, 1997. "*Pembentukan Bahasa Isyarat di Kalangan Pelajar Pekak*". Disertasi M.A. Fakulti Bahasa Moden: Universiti Malaya.
- Abdullah Yusoff, "Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Pekak" dlm. *Dewan Bahasa*. hlm. 36–41, Jun 2002b.
- Abdullah Yusoff, "Kepentingan Ejaan Jari dalam Komunikasi Orang Pekak" dlm. *Dewan Bahasa*. Januari 2004.
- Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed, "Proses Pendengaran dan Implikasi Kecacatannya terhadap Berbahasa" dlm. *Dewan Bahasa*. hlm. 54–59 Ogos 2002.
- ABSA Research Group, 1995. *A Dictionary of Pakistan Sign Language*. Karachi: Anjuman Behbood.
- Adams, J., 1997. *You and Your Child*. Edisi ke-2. Washington: Clerc Books Gallaudet University Press.
- Asmah haji Omar, 1986. *Bahasa dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berita Minggu*, 10 Oktober 2004. Iklan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia.
- British Deaf Association, 1992. *Dictionary of British Sign Language/English*. London: Faber & Faber.
- Chua Tee Tee, "Special Education in Malaysia" dlm. *Jurnal Kementerian Pelajaran Malaysia*. 15:37, hlm. 95–98, 1970.
- Chua Tee Tee, "Communication for Hearing-handicapped People in Malaysia" dlm. Oyer, Herbert (ed.) *Communication for the Hearing Handicapped: An International Perspective*, hlm. 471–493, 1976.
- Chua Tee Tee, 1977. "Strength & Weakness In the Education Programme for the Deaf in Malaysia". Kertas Kerja dalam *the First National Symposium on Deafness*. Kuala Lumpur, 1977.
- Chua Tee Tee, 1991. *Methods of Teaching Deaf Children in Singapore and Malaysia*. Singapura: Institute of Education.
- Conrad, R., 1979. *The Deaf School Child*. London: Harper Row.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh & Teh, "Analisis Semantik terhadap Karangan oleh Pelajar Pekak" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 34:11, hlm. 873–879, 1990.
- Goh & Teh, 1993. *Bahasa Tulisan Pelajar Pekak: Analisis Struktur Sintaksis Ayat Berdasarkan Teori Tatabahasa Transformasi Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hassan Ahmad, "Dasar Bahasa dan Pembangunan Negara Malaysia" dlm. *Jurnal*



- Dewan Bahasa*. 43:9, hlm. 783–797, 1999.
- Harris, T. & Hodges, R., 1995. *The Literacy Dictionary: The Vocabulary of Reading & Writing*. Delaware: International Reading Association.
- Izani, D., “Perbandingan Penulisan Karangan antara Pelajar Pekak dengan Pelajar Normal: Satu Kajian Kes” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 39: 11, hlm. 980–989, 1995.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 1985. *Komunikasi Seluruh Bahasa Malaysia Kod Tangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kreshan & Terrell, 1983. *The Natural Approach Language Acquisition in the Classroom*. Oxford: Pergamon Press.
- Kretschmer, R. & Kretschmer, L., 1978. *Language Development and Intervention with the Hearing Impaired*. Baltimore: University Park Press.
- Kyle, J. & Woll, B., 1985. *Language in Sign: An International Perspective on Sign Language*. London: Croom Helm.
- Marschark, H., 1997. *Raising and Educating a Deaf Child*. Oxford: Oxford University Press.
- Maher, J., 1996. *Seeing Language in Sign*. Washington: Gallaudet University Press.
- Mcintire, M., (ed.) 1994. *The Acquisition of American Sign Language By Deaf Children*. Burtonsville: Linstok Press.
- Mohd Hashim Omar, 1985. “Meeting Special Education Need of the Hearing Impaired in Malaysia: Its Challenges in the Eighties”. Kertas kerja yang dibentangkan pada Kongres Antarabangsa tentang Pendidikan Orang Pekak di University of Manchester, England.
- Nik Safiah Karim, 1978. *Bahasa Malaysia Syntax: Some Aspects of Its Standardization*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et al., 1993. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paul, P., 1998. *Literacy and Deafness: The Development of Reading, Writing and Literate Thought*. Boston: Allyn & Bacon.
- Paul, P. & Quigley, S., 1994. *Language and Deafness*. San Diego: Singular Publishing Group.
- Persekutuan Orang Pekak Malaysia, 2000. *Bahasa Isyarat Malaysia*. Kuala Lumpur: Persekutuan Orang Pekak Malaysia.
- Selena Yahya, 1989. “A Radical Reappraisal Needed to Guide Future Direction” dlm. “*Proceeding of 2<sup>nd</sup> Asian Pacific Conference on Deafness*. Jakarta, Indonesia, hlm. 72–80, 31 Julai – 1 Ogos 1989.
- Shukdev Singh, 1982. “The Training of Teachers of the Deaf in Malaysia” dlm. *Proceeding of International Congress on Education of the Deaf*, Hamburg 1980. Vol. 1, 796–816.
- Sutton-Spence, R. & Woll, B., 1999. *The Linguistics of British Sign Language: An Introduction*. Cambridge: Cambridge Universiti Press.
- Teng, S., 1986. “*Beberapa Aspek Akademik dan Psiko-Sosial Murid Cacat*

- Pendengaran di Sekolah Percantuman di Negeri Johor*". Tesis M.A. University Malaya.
- Raman, N., "Kesalahan Bahasa dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 37: 5, hlm. 457-466, 1993.
- Volterra & Erting, 1994. *From Gesture To Language In Hearing and Deaf Children*. Washington: Gullaudet University Press.
- Watson, L., 1996. *Spotlight on Special Education Needs: Hearing Impairment*. England: NASEN Enterprise Ltd.
- Watson *et al.*, 1999. *Deaf and Hearing Impaired Pupils in Mainstream School*. London: David Fulton Publisher.
- Woo, C., 1989. "Pencapaian dan Kesalahan dalam Penggunaan Imbuhan Bahasa Melaysia di Kalangan Pelajar Cina Tingkatan Satu". Tesis Sarjana Sastera di Universiti Malaya.
- Zeshan, U., 2000. *Sign Language in Indo-Pakistan: A Description of a Signed Language*. Amstradam: John Benjamins Company.

**Wawancara:**

Wawancara secara bebas antara penulis dengan Teh Kean Hoe dan Amir & Ibu Amir berkaitan dengan "Penguasaan BM" sempena "Sambutan Hari Orang Pekak Pulau Pinang" pada 11 November 2001.

Wawancara secara bebas antara penulis dengan Presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia, Mohamad Sazali Shaari berkaitan dengan "Penguasaan BM" dalam 'Persidangan Keluarga Pekak Bahagia' di Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur pada 13 Ogos 2004.

**Gangguan Proses Pendengaran dan Impak Berbahasa**

Bahagian telinga	Punca gangguan	Kemungkinan impak
<b>Telinga luar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pina tertutup semenjak lahir</li> <li>• Tersumbat saluran auditori oleh benda asing</li> <li>• Tahi telinga keras dan menutupi saluran auditori</li> <li>• Tempani berlubang/pecah atau tidak berfungsi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dikelaskan mengalami pekak sedikit.</li> <li>• Mengalami sedikit masalah pendengaran seperti sukar bertindak atau mendengar kadar percakapan biasa.</li> <li>• Terpaksa memberi perhatian keseluruhan percakapan jika mahu memahami isi sepenuhnya, hal ini amat meletihkan dan menjemukan kepada murid-murid sekolah dan boleh membawa kepada ketinggalan dalam pelajaran.</li> <li>• Bermasalah dalam pertuturan, mungkin sebutan menjadi tidak jelas pada fonem atau suku kata tertentu.</li> <li>• Terpaksa menghalakan telinga ke arah punca bahasa.</li> <li>• Minta diulang percakapan.</li> <li>• Sesekali tidak dapat memahami perbualan.</li> <li>• Menampakkan reaksi tidak memberi respons segera ke arah percakapan atau arahan.</li> </ul>
<b>Telinga tengah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tulang-tulang osikal tidak berfungsi semenjak lahir</li> <li>• Jangkitan kuman atau berpenyakit yang merosakkan tulang osikal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dikelaskan mengalami pekak sederhana.</li> <li>• Lebih bermasalah berbanding dengan kerosakan di telinga luar.</li> <li>• Tidak memberi respons yang cepat apabila nama dipanggil dengan kadar biasa.</li> <li>• Mungkin mendengar dan memahami sebahagian mesej/perbualan sahaja.</li> <li>• Mungkin paras pendengaran akan menjadi lebih baik pada masa tertentu dan sebaliknya pada masa yang lain. Contohnya, baik dalam bilik sempit berbanding bilik luar.</li> <li>• Mungkin sukar mendengar apabila berlatarkan bunyi bising yang orang biasa dapat mendengar.</li> <li>• Mungkin menunjukkan tingkah laku luar biasa pada situasi tertentu apabila arahan lisan tidak difahami. Hal ini biasa berlaku kepada kanak-kanak.</li> <li>• Mudah hilang tumpuan dalam situasi yang</li> </ul>

Bahagian telinga	Punca gangguan	Kemungkinan impak
		memerlukan tumpuan lama kerana hal ini memenatkan. • Pemakaian alat bantu pendengaran dapat membantu.
<b>Telinga dalam</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Koklea tidak terbentuk dengan sempurna semenjak lahir</li> <li>• Koklea rosak dan tidak berfungsi</li> <li>• Berpenyakit berbahaya seperti demam panas, campak (<i>measles</i>), bengkuk (<i>mumps</i>)</li> <li>• Kerosakan kepada saraf auditori</li> <li>• Terdedah kepada bunyi kuat yang sangat lama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dikelaskan sebagai pekak teruk.</li> <li>• Sukar memahami percakapan.</li> <li>• Tidak mendengar bunyi-bunyi bahasa atau jika mendengar pun tidak memahaminya.</li> <li>• Pemakaian alat bantu pendengaran pun tidak banyak membantu.</li> <li>• Tidak dapat bercakap atau kalau dapat bercakap bunyi-bunyi bahasa yang diujarkan sukar difahami.</li> <li>• Kecenderungan menggunakan bahasa isyarat.</li> <li>• Jika kanak-kanak, besar kemungkinan bersekolah di sekolah khas (sekolah bermasalah pendengaran).</li> </ul>

Sumber: Abdullah & Che Rabiaah dalam *Dewan Bahasa*, Ogos 2002, hlm. 54–59).

Keputusan UPSR & PMR bagi Calon Pekak

1. UPSR

Tahun	Mata pelajaran	GRED						Jumlah
		A	B	C	A+B+C	D	E	
2000	BM Kefahaman	0	0	7	7	71	84	162
	BM Penulisan	0	0	3	3	6	153	162
	Bahasa Inggeris	0	0	9	9	18	133	160
	Matematik	0	5	26	31	54	75	160
	Sains	0	0	11	11	54	97	162
2001	BM Kefahaman	3	8	60	71	135	82	288
	BM Penulisan	4	5	10	19	11	257	287
	Bahasa Inggeris	2	3	31	36	27	226	289
	Matematik	2	5	56	63	82	142	287
	Sains	2	1	33	36	71	182	289
2002	BM Kefahaman	1	4	59	64	99	140	303
	BM Penulisan	2	8	9	19	23	258	300
	Bahasa Inggeris	1	5	37	43	57	205	305
	Matematik	3	19	69	91	104	110	305
	Sains	0	2	29	31	71	201	303

2. PMR

Tahun	Mata pelajaran	GRED						Jumlah
		A	B	C	D	A+B+C+D	E	
2000	B Melayu	0	1	7	34	42	248	290
	B Inggeris	0	1	2	16	19	271	290
	Sejarah	2	1	16	182	201	89	290
	Geografi	1	1	20	144	166	124	290
	P Islam	0	0	1	1	2	156	158
	Matematik	3	6	18	132	159	132	291
	Sains	0	2	5	224	231	59	290
	K Hidup	0	1	60	117	178	113	291
2001	B Melayu	0	4	4	26	34	210	244
	B Inggeris	0	1	3	14	18	227	245
	Sejarah	1	3	14	140	158	87	245
	Geografi	2	2	17	168	189	55	244
	P Islam	0	1	1	0	2	167	169
	Matematik	2	7	19	97	125	120	245
	Sains	2	1	8	176	187	58	245
	K Hidup	2	1	45	102	150	96	246
2002	B Melayu	0	2	4	81	87	200	287
	B Inggeris	1	2	4	21	28	259	287
	Sejarah	0	1	18	164	183	101	284
	Geografi	0	3	8	163	174	112	286
	P Islam	0	0	0	5	5	189	194
	Matematik	2	5	21	128	156	129	285
	Sains	0	0	7	216	223	63	286
	K Hidup	0	5	99	122	226	64	288

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2003.

### Karangan Murid Pekak

#### Murid A (Tingkatan 3)

Saya pergi sampai pintu rapat. Saya rasa tidak ada orang di dalam rumah. Saya akan mencari mengelilingi akhir tidak ada kunci.

Saya lihat sudah malam. Saya akan pergi jiran beritahu. Saya ada kunci dia dengan saya cakap saya kunci tidak ada sudah sebar (sabar).

Saya duduk di tangga tunggu sebar (sabar). Saya lihat mengapa itu. Saya rasa ibu dan bapa. Saya tahu emak dan bapa saya gembira. Ibu bapa pergi tiba di dalam rumah. Emak bawa kunci hidup. Saya tukar baju dan mandi sudah. Akhir.

#### Murid B (Tingkatan 2)

Lima orang pelajar sedang jalan naik bas. Mereka dari pulang ke bersekolah. Tiga orang pelajar perempuan dan lelaki jalan bas tutun berhenti.

Mereka orang ramai pelajar sedang bas turun. Dua orang pelajar jalan tidak nampak melanggar jatuh kereta. Orang ramai tengok menolong menelefon cepat (cepat) datang ambulan. Kawanya-kawan pelajar menolong kelungan (keluarga) pulang ke hospital.

Bapa dan emak keluarga pulang masuk di hospital. Kawan-kawan orang ramai hadiah sebuah banyak hospital.

#### Murid C (Tingkatan 3)

Pada hari Jumaat saya tidak bersekolah. Sekolah cuti. Saya suka hari Jumaat. Saya menanam pokok bunga. Saya menanam cangkul biji bunga. Saya menyiram pokok bunga cantik.

Saya suka hari Jumaat. Saya baiki rosak basikal. Saya baiki habis basikal saya gembira. Saya tengok kotor basuh basikal jadi cantik. Saya suka sayang basikal dan saya jaga baik simpan rumah.

Saya suka hari Jumaat. Saya memasak nasi goreng saya nasi goreng itu sedap.

Saya buat kerja hari Jumaat. Saya membaca buku cerita. Saya suka menyapu mengemas rumah bersih cantik. Saya pakai dalam mesin baju lepas saya baju ampiana. Saya baju lipat banyak lepas saya bawa baju almari simpan baju.

Saya suka hari Jumaat saya buat kerja boleh sendiri.

*Sumber:* Koleksi penulis.

**Bilangan Pelajar Pekak Belajar  
di IPT di Dalam dan di Luar Negara (1970–001)**

Nama Universiti		Tamat Pengajian	Masih Belajar	Jumlah
Universiti Tempatan	Universiti Sains Malaysia	2	0	2
	Universiti Teknologi Malaysia	1	1	2
Universiti Luar Negara	Universiti Gallaudet, USA	14	1	15
	Institut Teknologi Rochester, USA	0	1	1
Maktab Perguruan Tempatan	Maktab Perguruan Ilmu Khas	2	0	2
	Maktab Perguruan Pulau Pinang	1	0	1
<b>Jumlah</b>		<b>20</b>	<b>3</b>	<b>23</b>

*Sumber* : laman web e-pekak.



LAMPIRAN 5

Perbandingan Struktur Bahasa Isyarat Malaysia dengan Bahasa Melayu (Berdasarkan sebuah Karangan 'Kehidupan di Asrama Sekolah')

Bahasa Isyarat Malaysia	Bahasa Melayu
Sekolah Asrama duduk tetap	Saya tinggal di asrama sekolah.
Datang bapa dan ibu jumpa cakap balik cuti sekolah	Apabila hari persekolahan, bapa dan ibu datang berjumpa, bercakap-cakap dengan saya dan membawa saya balik bercuti di rumah.
Cuti sudah balik rasmi asrama	Apabila cuti tamat, -saya balik semula ke asrama.
Masuk KAWAN benci sedih	Semasa saya masuk ke asrama, saya dapati kawan-kawan bencikan saya (sebab saya pekak). Saya berasa sedih.
Asrama duduk petang balik masjid masuk	Apabila duduk di asrama, pada waktu petang saya pergi ke masjid bersembahyang asar.
Tengkap (tengok) MALAM Balik	Saya tengok jam, malam (petang hampir maghrib), saya pun balik.
Air tangan sudah nak jalan kaki	Saya membasuh tangan, apabila selesai saya naik ke bilik dengan berjalan kaki.
Masuk kain rehat	Saya masuk ke bilik, ambil kain dan rehat.
Radio mula Diri sembahyang mula	Apabila bunyi azan dari corong speaker, saya ke masjid menunaikan sembahyang maghrib.
Sudah balik masuk asrama	Apabila sudah selesai, saya balik (masuk) ke asrama.
Malam masuk belajar asrama	Waktu malam, saya masuk ke bilik belajar untuk belajar.
Masa tengok balik turun makan	Saya tengok jam, masa, belajar tamat, saya pun balik ke bilik, dan turun.
Balik asrama	Apabila sudah makan, saya balik ke asrama (bilik).

<b>Bahasa Isyarat Malaysia</b>	<b>Bahasa Melayu</b>
Malam tidur	Waktu malam saya tidur.
Esok bangun jalan kaki mandi	Saya bangun pagi esok dan berjalan kaki ke bilik mandi.
Sudah pakai balik aAsrama	Sesudah mandi saya bersalin pakaian dan balik ke bilik.
Balik turun balik masjid sembahyang	Saya turun ke masjid untuk sembahyang subuh.
Sudah balik baik asrama pakai tukar sekolah	Sesudah itu, saya naik ke bilik dan menukar kepada pakaian seragam sekolah.
Pagi pergi datang sekolah	Apabila pagi saya pergi ke sekolah.
Sudah balik asrama	Apabila tamat masa belajar saya balik ke asrama.
Beg letak	Saya letak beg.
Balik turun tingkap (tingkat) 2 jalan kaki	Saya turun ke tingkat dua berjalan kaki.
Duduk jalan kaki masuk makan	Saya berjalan kaki masuk ke dewan makan, saya duduk dan makan.
Sudah balik naik masuk	Sesudah makan saya balik ke asrama dan naik ke bilik.
Asrama duduk	Saya duduk berehat di kawasan asrama.
Abang dan kakak datang kereta Balik Rumah	Abang dan kakak datang mengambil saya dengan kereta untuk pulang ke rumah.

*Sumber:* Abdullah (1996).